

Jenis Akhbar : Bernama

Tarikh : 09/07/2024

Edisi / Muka Surat : www.bernama.com

Tajuk : Isu, Inisiatif Dan Hala Tuju Antara Inti Pati Kongres Koperasi Kebangsaan 2024

Isu, Inisiatif Dan Hala Tuju Antara Inti Pati Kongres Koperasi Kebangsaan 2024



Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah (kanan) ketika sidang media pada Kongres Koperasi Kebangsaan 2024 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTC KL), hari ini.

09 Julai 2024 @ 06:38pm

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- Kongres Koperasi Kebangsaan 2024 yang akan berlangsung selama dua hari bermula 25 Julai ini antara lain akan membincangkan isu, inisiatif dan hala tuju baharu bagi memperkasakan peranan gerakan koperasi.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata penganjuran kongres itu adalah untuk kali ketiga selepas kali terakhir berlangsung 53 tahun lepas iaitu pada Mac 1971, manakala penganjuran kali pertama pada 1966.

"Pelbagai perubahan dalam landskap ekonomi negara dan global telah berlaku sejak kali terakhir kongres ini berlangsung. Ini memerlukan pembaharuan dilakukan supaya gerakan koperasi terus relevan dan mampu berdaya saing, selain melihat semula kesesuaian peraturan dan akta yang diguna pakai masa ini supaya selari dengan perubahan.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah (kanan) ketika sidang media pada Kongres Koperasi Kebangsaan 2024 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTC KL), hari ini.

"Kongres ini juga akan membincangkan peranan gerakan koperasi bagi membantu kerajaan mendepani cabaran semasa seperti menangani kos sara hidup dan merencanakan pertumbuhan ekonomi menerusi platform koperasi," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Abdul Fattah juga melihat penganjuran kongres itu sebagai platform untuk menyelaras semula pelan strategik koperasi untuk membantu lebih 15,000 koperasi yang mempunyai 7.2 juta keanggotaan.

Beliau berkata empat fokus utama kongres itu ialah jati diri dan identity koperasi; akta, peraturan dan tatakelola koperasi; pendidikan dan modal insan koperasi serta daya saing perniagaan koperasi.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dijadual merasmikan majlis penutup kongres yang bertemakan 'Koperasi Pemangkin Ekonomi MADANI' itu dengan lebih 7,000 orang dijangka menghadiri kongres tersebut secara fizikal dan dalam talian.

Penganjuran kongres di Pusat Dagangan Dunia (WTC) di sini disokong Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi selain mendapat kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa).

Selain itu, Abdul Fattah memaklumkan gerakan koperasi secara keseluruhannya telah berjaya melangkaui sasaran perolehan oleh kerajaan sebanyak RM60 bilion menjelang 2025 apabila RM64.6 bilion telah disumbangkan tahun lepas.

Beliau bagaimanapun berharap koperasi dapat bergerak lebih maju, sekali gus meningkatkan sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), memandangkan sumbangan koperasi negara kepada KDNK agak ketinggalan berbanding negara jiran seperti Singapura, Indonesia dan Thailand.

- *BERNAMA*